

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM BERSAMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON C**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

September

2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan** daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

2

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada amalan gotong-royong di Malaysia. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah amalan bergotong-royong. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

AMALAN GOTONG-ROYONG DI MALAYSIA

Memupuk Semangat Perpaduan



Menjimatkan Kos Penyelenggaraan



Mewujudkan Persekitaran yang Bersih

3

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Guru merupakan insan yang banyak berjasa dalam hidup seseorang dan mereka sewajarnya kita hormati seperti kita menghormati ibu bapa kita.
Sebagai pelajar, jelaskan cara-cara anda menghargai jasa dan pengorbanan guru anda.
- 2 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kebahagiaan sesebuah keluarga.
Bincangkan.
- 3 Pendidikan merupakan aspek penting dalam melahirkan pekerja yang berkemahiran.
Huraikan sebab-sebab pendidikan perlu dalam melahirkan pekerja yang berkemahiran.
- 4 Bencana alam yang melanda negara di dunia memberi pelbagai kesan.
Bincangkan pernyataan tersebut.
- 5 Filem tempatan merupakan wadah untuk memperkenalkan budaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia.
Sebagai wartawan sebuah majalah, anda ditugaskan untuk menulis rencana bertajuk "Peranan Pembikin Filem dalam Memperkenalkan Budaya Masyarakat Berbilang Kaum."
Tulis rencana itu selengkapnya.

KERTAS SOALAN TAMAT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM BERSAMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH ZON C**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

September

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha membendung pencemaran alam sekitar dan kepentingan mewujudkan alam sekitar yang bersih. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.***

“ Bumi yang tiada rimba, seumpama hamba, dia dicemar manusia, yang jahil ketawa.” Begitulah antara bait lagu *Hijau* dendangan Zainal Abidin. Seni kata lagu itu menceritakan kemusnahan alam sekitar akibat kerakusan manusia. Sikap manusia memang menjadi faktor utama pencemaran alam sekitar. Buktinya, kini berlaku perubahan cuaca yang tidak menentu, penipisan lapisan ozon, banjir kilat, kenaikan suhu global dan pencemaran udara serta air bertoksin. Ketika ini, pelbagai pihak tampil mempromosikan usaha memelihara alam sekitar menerusi media secara serius. Namun usaha tersebut masih di peringkat awal, kerana majoriti masyarakat seolah-olah belum peka dengan masalah alam sekitar. Banyak pihak yakin cara terbaik untuk memelihara dan memulihara alam sekitar adalah dengan memberikan pendidikan awal kepada golongan kanak-kanak berkaitan alam sekitar. Pepatah “ melentur buluh biarlah dari rebungnya” adalah tepat untuk usaha ini.

Banyak lagi usaha yang boleh dilakukan termasuk mengasuh mereka menggunakan sumber alam secara berhemat terutamanya penggunaan air dan elektrik. Sebagai contoh, air mandian dan basuhan boleh dikitar semula untuk menyiram pokok. Contoh yang lain, lampu dan peralatan elektrik lain perlu ditutup jika tidak digunakan lagi. Selain itu, menggalakkan mereka membuang sampah di tempat yang disediakan. Didik mereka untuk kitar semula dengan mengasingkan jenis-jenis sampah yang boleh dikitar semula dan yang tidak boleh seperti botol plastik, kaca dan kertas. Wujudkan tong sampah mengikut jenis-jenis bahan buangan tersebut. Malah, kita perlu mengajar anak-anak mengumpulkan bahan buangan seperti tin aluminium dan surat khabar lama dan seterusnya dibawa ke pusat kitar semula. Cara ini boleh menambahkan tabungan. Didik anak-anak membuat baja kompos dengan sisa makanan. Baja tersebut digunakan untuk pokok bunga atau sayur-sayuran yang ditanam di halaman. Dengan ini, mereka akan turut dididik dengan konsep “ berbakti kepada tanah”.

Majalah-majalah dan surat khabar boleh digunakan semula oleh anak-anak dengan cara mengumpulkan artikel-artikel tertentu untuk dijadikan *scrap book* atau ensiklopedia peribadi tentang topik yang menjadi minat mereka. Pendekatan ini akan *membantu menjana pemikiran* mereka. Terapkan sifat berjimat cermat seperti menggunakan semula barang-barang lama dan jadikan kraf tangan seperti beg, selimut, atau alas meja. Tin atau botol plastik pula boleh diubah suai menjadi tabung, bekas alat tulis atau arca. Pakaian anak-anak yang tidak lagi digunakan mungkin boleh didermakan kepada rumah-rumah kebajikan atau anak yatim. Cara ini dapat mendidik mereka menjadi pemurah selain menggalakkan mereka menyertai program berkaitan pemeliharaan alam sekitar, misalnya menyertai program gotong-royong membersihkan kawasan kejiranan, menyertai ceramah atau kempen penjagaan alam sekitar.

Kita perlu sedar bahawa walaupun usaha tersebut kelihatan kecil tetapi jika semua orang melakukannya, usaha ini banyak menghasilkan kesan yang positif kepada alam sekitar. Usaha terus dilakukan, tetapi masyarakat menganggap masalah alam sekitar tanggungjawab kerajaan sepenuhnya. Keadaan lebih buruk apabila masyarakat menganggap hal-hal berkaitan alam sekitar tidak penting berbanding perut yang perlu diisi. Tegasnya, kita perlu bertindak sebelum nasi menjadi bubur.

(Dipetik dan diubah suai daripada
surat pembaca,
Utusan Malaysia, 18 November 2009)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *membantu menjana pemikiran*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** sikap negatif masyarakat berkaitan dengan alam sekitar. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi dalam jangka masa panjang sekiranya masalah alam sekitar tidak diberi perhatian oleh kerajaan?

Kemukakan **empat** kesan. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- TUK WALI : *(Merenung muka Ripin)* Aku ni dah tua, Mariam, Ripin! Tak daya aku nak berkuat macam dulu.
- RIPIN: Kalau wak penat, biar kami yang mengajar! Tapi, kami mau wak ada dalam gelanggang.
- MARIAM: Betul tu! Kami masih perlu bimbingan wak dalam gelanggang ini!
- TUK WALI: Aku berfikir, ada baiknya juga kalau engkau berdua ambil alih tempat aku. Teruskanlah gelanggang ini. Aku dah tak daya lagi, Ripin.
- RIPIN: Mariam, saya tak taulah! Tapi, saya sendiri memang tak sanggup, wak! Saya belum bersedia.
- MARIAM: Kalau Abang Ripin dah tak sanggup, apa pulak saya, tapi, kenapa tiba-tiba saja wak tak mau mengajar? Mesti ada silap di mana-mana ni! Kalau saya yang buat salah, saya minta maaf, wak. Orang muda kadang-kadang terlanjur bila bergurau. Saya minta maaf, wak!
- RIPIN: Saya pun macam tu juga! Kalau ada tingkah laku saya yang mengecilkan hati wak, saya minta maaf.
- TUK WALI: *(Berasa terharu dengan sikap muridnya)* Kamu berdua tak ada apa-apa salah dengan aku! Kamu berdua ni murid aku yang terbaik! Tak perlu minta maaf, Ripin, undang-undang alam ini cukup mudah sebenarnya. Semua yang bermula pasti akan berakhir.

(Dipetik daripada
'Gelanggang Tuk Wali'
oleh Ismail Kassan
dalam antologi *Harga Remaja*
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan **dua** harapan Tuk Wali kepada Ripin dan Mariam berkaitan dengan gelanggang silatnya? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat menarik minat murid-murid di sekolah terhadap seni silat? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan drama di atas dan **satu** nilai murni lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah itu maka hari pun hampir siang. Maka Raja Indera Bumaya pun mencita geliga daripada Raja Johan Syahperi itu maka keluarlah empat orang lengkap dengan senjatanya. Maka titah Raja Indera Bumaya, "Hai saudaraku, pergilah tuan hamba perang dengan Raja Bahrum Dewa itu tetapi janganlah tuan hamba bunuh." Setelah demikian titah Raja Indera Bumaya maka jin empat orang itu pun menyembah lalu turun berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa itu.

Setelah seketika berperang maka rakyat Raja Bahrum Dewa pun pecahlah perangnya, banyak tertangkap. Ada yang lari masuk ke dalam kota kerana tiada tertahan lagi ditangkap jin empat orang itu. Maka titah Raja Bahrum Dewa, "Sudahkah engkau tangkap? Apa mati laki-laki itu?" Maka sembah segala hulubalang yang lari itu, "Ya tuanku, tiadalah mati laki-laki itu. Maka hulubalang tuanku dua ratus yang lari, dua puluh orang hulubalang yang tertangkap orang itu. Patik hairan melihat hal laki-laki itu. Maka patik dengar suaranya seorang juga maka segala rakyat beribu-ribu *sekalian itu pun dilawannya* juga."

(Dipetik daripada
"Hikayat Langlang Buana",
diselenggarakan oleh Mohd. Yusof Md. Nor,
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *sekalian itu pun dilawannya*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan nasib yang menimpa rakyat jelata dan jin empat orang itu apabila tercetusnya peperangan. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah rakyat Raja Bahrum Dewa sanggup bermati-matian berperang menewaskan musuh, iaitu jin seramai empat orang itu?
Berikan **tiga** sebab. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2(d) - Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Harga Remaja

Berapakah sebenarnya harga remaja
yang bersih
dari gelodak kecewa
bagai kehijauan daun
bagai kesegaran pohon
di pinggir perjalanan ini?

Dengan apakah akan kaupenuhi
piala remajamu
adakah cuka kesangsian
dari cinta murah
atau madu ajaran
dari ilmu susah?

Remaja amat mahal
sesungguhnya
tiada terbeli oleh perjanjian
harga remaja adalah
pendirian
keberanian dan ilmu.

Penuhilah remajamu
dengan ketentuan tuju.

Rahman Shaari
Langit di Tangan, 1985
Antologi Harga Remaja
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Nyatakan nasihat yang terdapat dalam rangkap terakhir sajak tersebut. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah sesetengah remaja terlibat dalam gejala sosial? [3 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) baik - baik-baik
- (ii) jarang - jarang-jarang
- (iii) suka - suka-suka

[6 markah]

(b) *Cerakinkan ayat majmuk dalam perenggan di bawah kepada enam ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya.*

Di Malaysia hampir dua pertiga sumber air kita digunakan oleh sektor pertanian dan sektor ini adalah antara sektor yang banyak mencemar dan membazirkan air namun tiada sistem pengurusan permintaan air bagi sektor ini. Ladang-ladang penternakan haiwan dan penternakan hidupan akuatik dalam sangkar juga menjadi punca pencemaran.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Harga rumah untuk bumi putera telah dikurangkan sebanyak 10% daripada harga asal bagi menggalakkan pemilikan harta mereka di kawasan bandar.
- (ii) Kemunculan pelbagai kumpulan nasyid popular pada akhir tahun 1990an telah diterima bukan sahaja oleh mereka yang belatarbelakangan agama, malah turut diminati oleh masyarakat umum yang mempunyai pelbagai aliran fikiran dan cita rasa.
- (iii) Kapal kargo itu sedang berlayar menuju ke Sepanyol apabila salah satu injinnya mengalami kerosakan.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Adik menumpang motosikal ayah untuk menghadiri latihan rumah sukan yang dijalankan di sebelah petang.
- (iii) Perniagaan jualan langsung milik bapa Shanti berkembang dengan laju kerana kebanyakan pelanggan-pelanggan berpuas hati dengan mutu produk tersebut.
- (iii) Perlawanan bola sepak di antara pasukan Rumah Hijau dengan pasukan Rumah Kuning digantung kerana hujan turun dengan lebat.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Semua warganegara asing yang datang ke Malaysia mestilah mematuhi undang-undang negara ini.
- (ii) Setelah anaknya dimasukkan ke hospital kerana menghidap demam denggi, barulah Encik Rajes membersihkan persekitaran rumahnya.
- (iii) Rusdi yang mengambil buku Geetha, Roslan pula yang dituduh melakukan perbuatan itu.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) PAPA... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Interlok karya Abdullah Hussain
- (vi) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (vii) Kembara Amira karya Amer Hmzah L. Kadir
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Terdapat banyak peristiwa menarik yang disampaikan oleh pengarang melalui novelnya.

Huraikan **dua** peristiwa yang mengandungi unsur saspens dalam satu novel yang telah anda pelajari. [7 markah]

- (b) Berdasarkan dua novel yang anda pelajari, **bandingkan satu persamaan dan satu perbezaan** latar masyarakat dalam novel-novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT